

Mokhzani tidak perlu jual ekuiti: Ku Li

BH 3 MAY 2001

KUALA LUMPUR, Rabu – Bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah berpendapat, Datuk Mokhzani Mahathir tidak perlu menjual ekuitinya dalam Pantai Holdings Bhd dan Tongkah Holdings Bhd kerana ia tiada kaitan dengan kerajaan.

“Bagi saya, dia patut terus pegang saham-saham itu kerana kepentingan dalam syarikat yang dia milik itu, tidak ada hubungan kait dengan kerajaan.

“Ini kerana ia adalah syarikat swasta, sama ada Tongkah atau Pantai Holdings,” katanya selepas menghadiri majlis penyerahan memorandum anjuran Badan Bertindak Melayu (BBM) di Jalan Duta, hari ini.

Mokhzani, yang sebelum ini Ketua Eksekutif Pantai Holdings Bhd dan Tongkah Holdings Bhd, mengumumkan keluar dari dunia korporat Khamis lalu. Beliau menjual 12.6 peratus kepentingannya dalam Tongkah Holdings dan 32.9 peratus dalam Pantai Holdings.

Keputusan itu dibuat kerana beliau kecewa dengan tohmahan pihak tidak bertanggungjawab yang memburukkan nama beliau serta bapanya.

Ditanya sama ada tuduhan terhadap Mokhzani dan keluarganya itu adil, Tengku Razaleigh berkata, yang nyata syarikat terbabit tidak ada kena mengena dengan kerajaan.

“Susah nak kata... Dia (Mokhzani) buat keputu-

san itu kerana nak elak daripada terus menerus berlaku tuduhan itu. Jadi susah saya nak kata apa yang adil, apa tak adil. Bagi saya, dia patut terus pegang saham-saham itu,” katanya sambil menyifatkan, keputusan Mokhzani itu adalah hak peribadinya.

“Alasan dia menjual segala kepentingan dalam dua syarikat itu kerana tuduhan melulu oleh pihak yang nak memburukkan keluarga Datuk Mokhzani termasuk Perdana Menteri sendiri.

“Jadi untuk nak mengelakkan daripada terus menerus berlaku tuduhan terhadap keluarganya, dia terus ambil keputusan begitu,” katanya.

Mengenai khabar angin kononnya beliau akan kembali ke dalam Kabinet sebagai Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh sambil ketawa berkata: “Saya tak fikir itu khabar yang patut diberi pertimbangan oleh sesiapa pun. Ini khabar angin, dia anginlah.”

Mengenai cadangan Dr Mahathir supaya orang ter-lalu kaya dilarang bertanding jawatan dalam parti, Tengku Razaleigh berkata, mesej itu tidak bermakna orang kaya tidak boleh menawarkan diri untuk berkhidmat dalam parti.

“Saya rasa ini adalah pandangan Perdana Menteri untuk timbulkan perbincangan di kalangan pemimpin Umno mengenai baik buruknya orang menggunakan politik wang,” katanya.